



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

PELAN LATIHAN

ANGGOTA KUMPULAN PELAKSANA

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA



EDISI KE-2

Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
Cawangan Latihan dan Kompetensi

PELAN LATIHAN

ANGGOTA KUMPULAN PELAKSANA

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

EDISI KE-2

Penerbitan Pelan Latihan Anggota Kumpulan Pelaksana (AKP) Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) Edisi Ke-2 adalah inisiatif yang diambil oleh Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM) dengan kerjasama daripada semua Bahagian/Unit, Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) dan Kesatuan Bukan Guru. Pelan latihan ini disediakan sebagai sumber rujukan dan panduan kepada AKP dalam mengenal pasti kursus-kursus yang bersesuaian untuk dihadiri dan Bahagian/Jabatan melaksanakan kursus mengikut kesesuaian dan keutamaan masing-masing. Semakan dan usaha telah dibuat untuk memastikan ketepatan maklumat dalam penerbitan ini. Perincian maklumat dalam pelan latihan ini mungkin berubah mengikut dasar-dasar terkini Kerajaan.

Kementerian Pendidikan Malaysia
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
Cawangan Latihan dan Kompetensi
Aras 4, Blok E12, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62604 Putrajaya

Oktober 2021

KANDUNGAN

iv	SEKAPUR SIRIH
vi	AKRONIM
3	PENGENALAN
5	SEPINTAS LALU
7	Rasional Pengemaskinian
8	Visi, Misi dan Tunjang Budaya Kerja KPM
9	Komponen Dasar Latihan Sumber Manusia (DLSM) KPM
15	Peranan dan Tanggungjawab
19	OBJEKTIF DAN RANGKA PELAN LATIHAN
23	PROFIL PRESTASI
27	<i>TRAINING ROAD MAP</i>
31	PELAN LATIHAN
33	Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi)
41	Pembantu Pengurusan Murid
53	Pembantu Operasi
61	Pembantu Makmal
69	Penyelia Asrama
77	Pemandu Kenderaan
85	Pembantu Tadbir (Kewangan)
95	MAKLUMAT BIDANG DAN KURSUS
139	PANDUAN PERMOHONAN MENGHADIRI PROGRAM LATIHAN
142	PENUTUP
143	GLOSARI
144	PENGHARGAAN

SEKAPUR SIRIH

Bismillahirrahmanirrahim.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Bersyukur ke hadrat Ilahi, Pelan Latihan Anggota Kumpulan Pelaksana Kementerian Pendidikan Malaysia Edisi Ke-2 dapat diterbitkan pada tahun ini. Penerbitan ini adalah sebagai usaha penambahbaikan berterusan kepada Pelan Latihan AKP KPM sedia ada.

Dalam konteks negara kita Malaysia, perkhidmatan awam kini sedang melalui satu proses transformasi yang berpaksikan digital dan Revolusi Perindustrian 4.0 (IR4.0). Perubahan persekitaran ini dan ekspektasi rakyat serta pemegang taruh yang tinggi telah menuntut kepada perubahan pantas, tepat, berkualiti, proaktif dan responsif.

Penyampaian perkhidmatan awam yang cekap dan berkesan merupakan ciri penting sesebuah negara maju. Penjawat awam merupakan tulang belakang kepada pelaksanaan dasar dan program yang dirancang oleh pihak Kerajaan. Pegawai yang terlatih, berilmu dan berkemahiran adalah tunjang yang menentukan jaya gagalnya dalam mencapai matlamat ini.

Justeru, program latihan yang komprehensif dan sistematik perlu dilaksanakan secara berterusan bagi membangunkan kemahiran, pengetahuan dan sikap warga KPM agar lebih berdaya tahan, kompetitif, kreatif dan inovatif dalam mengharungi tuntutan semasa yang kompleks dan dinamik. Menyedari tentang pentingnya pendekatan yang menyeluruh terhadap pembangunan modal insan, penekanan bukan sahaja difokuskan kepada peningkatan ilmu pengetahuan dan kemahiran tetapi juga nilai etika, minda yang progresif dan kesedaran budaya kerja yang tinggi. Ini kerana ia merupakan prasyarat yang penting dalam membina negara yang lebih berdaya saing, moden dan progresif.



“ Penyampaian perkhidmatan awam yang cekap dan berkesan merupakan ciri penting sesebuah negara maju. Penjawat awam merupakan tulang belakang kepada pelaksanaan dasar dan program yang dirancang oleh pihak Kerajaan. Pegawai yang terlatih, berilmu dan berkemahiran adalah tunjang yang menentukan jaya gagalanya dalam mencapai matlamat ini. ”

Atas kesedaran ini, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia telah mengambil inisiatif mengemas kini pelan latihan sedia ada selari dengan keperluan sektor awam pada masa kini. Komitmen tinggi yang diberikan oleh barisan penggubal melalui beberapa sesi konsultasi serta pemurnian, menjadi titik tolak dalam membantu merealisasikan penghasilan pelan latihan yang lebih komprehensif dan strategik.

Pelan latihan ini boleh dijadikan sebagai panduan kepada pegawai dan Bahagian/Jabatan dalam mengenal pasti kursus-kursus yang bersesuaian untuk dihadiri dan dilaksanakan. Pelan latihan ini memberi penekanan kepada Program Pembangunan Kompetensi Fungsian (berkaitan bidang tugas) dan Program Pembangunan Kompetensi Generik (pengetahuan dan kemahiran umum) yang perlu dikuasai oleh pegawai mengikut gred dan jawatan masing-masing.

Adalah menjadi harapan saya dengan adanya pelan latihan ini yang disertakan dengan dedikasi serta komitmen semua pihak dalam melaksanakan dan menjayakannya, kita akan sama-sama dapat melestarikan visi dan misi Kementerian.



ROSPIAGOS BIN TAHA

Setiausaha Bahagian
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia

AKRONIM DAN SINGKATAN

ABM	Anggaran Belanja Mengurus
AKP	Anggota Kumpulan Pelaksana
BBM	Bahan Bantu Mengajar
BKO	Bahan Kimia Organik
BO	Bukan Organik
BPSM	Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
CLK	Cawangan Latihan dan Kompetensi
DLSM	Dasar Latihan Sumber Manusia
DLSMSA	Dasar Latihan Sumber Manusia Sektor Awam
dtims	Digital Training Information & Management System
EKSA	Ekosistem Kondusif Sektor Awam
ICT	Teknologi Maklumat dan Komunikasi
i-EMG	INTAN Event Management Gateway
iGFMAS	iGovernment Financial Management Accounting System
ILA	Institut Latihan Awam
INTAN	Institut Tadbiran Awam Negara
IR4.0	Revolusi Perindustrian 4.0
JPN	Jabatan Pendidikan Negeri
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
KTBM	Kod Tangan Bahasa Melayu
LDP	Latihan Dalam Perkhidmatan
NIOSH	National Institute of Occupational Safety and Health
PBG	Perkhidmatan Bukan Guru
PCG	Bantuan Perkapita
PdP	Pengajaran dan Pembelajaran
POL	Pelan Operasi Latihan
PTM	Program Transformasi Minda
PWR	Panjar Wang Runcit
SPLKPM	Sistem Pengurusan Latihan Kementerian Pendidikan Malaysia
SPP	Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan
TNA	Analisis Keperluan Latihan
WPUA	Waran Penerbangan Udara Awam

PENGENALAN




PENGENALAN

Modal insan yang berkualiti berupaya menyumbang kepada pencapaian matlamat sesebuah organisasi. Program pembangunan dan latihan yang holistik serta berterusan merupakan strategi yang amat penting dalam menyediakan modal insan yang berkualiti selaras keperluan semasa sektor awam dalam era pendigitalan dan IR4.0. Warga kerja KPM harus bersiap siaga dengan pengetahuan dan kemahiran yang baharu untuk berhadapan dengan cabaran persekitaran yang semakin kompleks.

Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM) dengan kerjasama Bahagian/Jabatan sentiasa menggandakan usaha dalam melengkapkan pegawai Perkhidmatan Bukan Guru (PBG) dengan pengetahuan, kemahiran dan sikap positif agar terus kekal relevan dalam sektor awam. Program latihan direncana dengan memberi penekanan kepada aspek pemantapan kompetensi untuk melaksanakan tugas kerja harian.

Sehubungan itu, Pelan Latihan AKP KPM Edisi Ke-2 disediakan bagi penyandang tujuh (7) jawatan kumpulan pelaksana lantikan Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan (SPP). Pelan latihan ini merupakan pengemaskinian kepada pelan latihan sedia ada yang diterbitkan pada tahun 2016. Pelan latihan ini dirangka berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2005: Dasar Latihan Sumber Manusia Sektor Awam (DLSMSA) dan Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 2005: Pelaksanaan Pelan Latihan Sumber Manusia Sektor Awam yang disesuaikan dengan konteks Kementerian ini.






KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

SEPINTAS LALU



SEPINTAS LALU



RASIONAL PENGEMASKINIAN

Setelah 5 tahun pelaksanaan pelan latihan sedia ada yang diterbitkan pada tahun 2016

Usaha berterusan dalam memperkukuhkan serta memberi nilai tambah kepada program latihan AKP

Mengambil kira cabaran persekitaran yang semakin kompleks dan berpaksikan digital



Edisi Pertama (2016)



Edisi Ke-2 (2021)

- Keperluan latihan dan pelaksanaan kursus oleh Bahagian/Jabatan
- Keperluan organisasi dan latihan AKP
- Tiada penjelasan khusus mengenai kompetensi yang diperlukan
- Cadangan kursus yang terhad bagi setiap skim
- Objektif, kandungan dan tempoh masa kursus diperincikan bagi kursus fungsian sahaja. Kursus di bawah bidang lain disenaraikan tanpa sebarang perincian
- Mempunyai contoh jadual kursus
- Maklumat umum lain tidak dimasukkan

ASPEK

FOKUS

KEPERLUAN KOMPETENSI

CADANGAN PROGRAM

MAKLUMAT UMUM

- Pembangunan kompetensi melalui *training road map* atas inisiatif organisasi dan pegawai sendiri
- Profil kompetensi diperincikan bagi setiap gred serta dikelaskan kepada fungsian dan generik
- Training road map* diperincikan mengikut tempoh perkhidmatan/gred
- Senarai kursus yang pelbagai di bawah bidang latihan dengan perincian objektif, kandungan dan tempoh masa kursus
- Fleksibiliti kepada Bahagian/Jabatan untuk menentukan objektif, kandungan dan tempoh masa kursus
- Tambahan maklumat-maklumat umum lain, antaranya:
 - Komponen Dasar Latihan Sumber Manusia (DLSM) KPM
 - Peranan dan tanggungjawab
 - Panduan permohonan menghadiri program latihan

VISI, MISI DAN TUNJANG BUDAYA KERJA KPM

VISI

Pendidikan Berkualiti, Insan Terdidik, Negara Sejahtera

MISI


Melestarikan Sistem Pendidikan yang Berkualiti untuk
Membangunkan Potensi Individu bagi Memenuhi Aspirasi Negara

TUNJANG BUDAYA KERJA

Kualiti Produktiviti Modenisasi

“ Apa yang kita lakukan pada hari ini bukan untuk diri kita sendiri.
Tetapi apa yang kita lakukan pada hari ini adalah untuk anak cucu
kita dan generasi masa hadapan pewaris negara ”

YB DATUK DR. RADZI JIDIN
Menteri Kanan Pendidikan



KOMPONEN DASAR LATIHAN SUMBER MANUSIA (DLSM) KPM

KPM memainkan peranan utama dalam menyediakan kepimpinan, hala tuju dasar dan sokongan yang diperlukan dalam usaha meningkatkan sistem pendidikan di Malaysia. Justeru, pegawai KPM di semua peringkat perlu mempunyai tahap kompetensi yang bersesuaian bagi melaksanakan tugas dengan profesional, cekap dan berkesan dalam memenuhi tanggungjawab terhadap masyarakat dan negara.

Menyedari hakikat ini, DLSM KPM digubal bagi menggariskan hala tuju, strategi dan pelaksanaan pengurusan latihan secara sistematik serta terancang berteraskan konsep pembangunan diri dan pembelajaran berterusan untuk melahirkan pegawai yang kompeten dan berprestasi tinggi.

1. OBJEKTIF LATIHAN

1

Menjadikan KPM sebagai sebuah organisasi pembelajaran (*learning organisation*) yang cemerlang dan terancang berteraskan pembangunan kompetensi dan pembelajaran berterusan

2

Menyediakan pegawai yang kompeten dan berprestasi tinggi dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab di Kementerian

3

Melahirkan pegawai yang berfikiran aras tinggi (*high order thinking skills*) dan ke hadapan (*future-thinking*), tangkas (*agile*), berkemahiran digital dan kreatif

4

Menyediakan peluang dan kemudahan pembelajaran kepada semua pegawai agar dapat meningkatkan kompetensi, produktiviti dan kualiti perkhidmatan

5

Meningkatkan tahap profesionalisme dan nilai-nilai murni pegawai

6


Menyokong pembangunan profesionalisme dan kemajuan kerjaya pegawai

7

Memupuk jati diri dan semangat cintakan organisasi dan negara

2. LATIHAN

Proses pemindahan ilmu pengetahuan secara sistematik, bertujuan menambah pengetahuan dan kemahiran untuk memenuhi keperluan dan tuntutan semasa dalam organisasi.



- Menilai keperluan
- Mengenal pasti keutamaan
- Merancang latihan berdasarkan bidang kompetensi

➤ Laporan Analisis Keperluan Latihan

- Menjalankan penilaian
- Analisis keberkesanan latihan

➤ Laporan Penilaian

- Menetapkan objektif
- Membangunkan pelan pembelajaran
- Menyediakan struktur latihan

➤ Pelan Operasi Latihan


- Menjalankan program latihan dalam POL
- Memantau pencapaian bilangan hari/jam berkursus

➤ Laporan Prestasi




3. ANALISIS KEPERLUAN LATIHAN

Analisis Keperluan Latihan (TNA) adalah proses yang sistematik bagi mengenal pasti keperluan latihan dan kumpulan sasaran yang perlu dilatih dalam jangka masa tertentu. BPSM telah menyediakan borang soal selidik TNA bagi PBG yang boleh digunakan oleh Bahagian/Jabatan bagi mendapatkan keperluan maklumat latihan secara terperinci. Selain itu, kaedah pengumpulan input TNA juga boleh dilaksanakan melalui beberapa kaedah seperti berikut:



4. KAEDAH PELAKSANAAN LATIHAN

Blended training approach amat digalakkan dalam membangunkan kompetensi pegawai. Bahagian/Jabatan juga bebas menentukan kaedah latihan yang terbaik dan bersesuaian dengan persekitaran organisasi seperti konsep **10%:20%:70%** bagi latihan formal, *learning from others* dan *learning from experience* untuk membangunkan kompetensi fungsian dan generik.



LATIHAN FORMAL

Aktiviti latihan yang dijalankan selama 6 jam secara bersemuka atau dalam talian secara berterusan anjuran jabatan, bahagian atau agensi luar di dalam dan luar negara

- Kursus
- Seminar
- Konvensyen
- Bengkel/*Workshop*
- Forum
- Simposium
- Kolokium
- Lawatan Rasmi Korporat/
Sambil Belajar
- Klinik Kaunseling

PEMBELAJARAN KENDIRI

Kaedah pembelajaran yang berkonsepkan belajar atas daya usaha sendiri sama ada pembelajaran yang melibatkan secara bersemuka atau dalam talian

- e-Pembelajaran
- Pembacaan Buku-Buku Ilmiah (Fizikal atau *e-book*) dan disokong dengan ulasan
- Pembacaan Jurnal Ilmiah/Laporan/Kajian dan Lain-Lain Bahan Ilmiah Secara Fizikal atau Maya


SESI PEMBELAJARAN

Sebarang aktiviti latihan atau pembelajaran secara bersemuka atau dalam talian yang tempohnya kurang 6 jam anjuran jabatan atau agensi luar

- Sesi Perkongsian Ilmu
- Program *Executive Talk*
- Perhimpunan Bulanan
- Program Penerapan Nilai-Nilai Murni
- Program Sambutan/Program Khas (Bulan-Bulan Islam/Perayaan yang Mengandungi Ucapan/Ceramah/Forum)
- Pertemuan Mentor dan Menti
- *Coaching and Mentoring*
- Sesi Perbincangan/Perkongsian Idea Pengurusan Tertinggi/
Tetamu Jemputan Khas
- Pembentangan Kertas Kerja
- Sesi Kaunseling Perkembangan
- Menyampaikan Ceramah di dalam Kursus/Bengkel
(Modul yang pertama kali dibentangkan atas tajuk yang sama sahaja diambil kira)

5. PEREKODAN LATIHAN

Urus Setia/Penganjur Kursus perlu merekodkan kehadiran peserta ke dalam Sistem Pengurusan Latihan Kementerian Pendidikan Malaysia (SPLKPM) seperti yang telah digariskan melalui Pekeliling Perkhidmatan KPM Bilangan 1 Tahun 2020 dan Garis Panduan Penggunaan SPLKPM. Selain itu, rekod dan maklumat pegawai di bawah seliaan perlu dikemas kini secara berkala bagi memastikan statistik dan laporan yang dijana adalah tepat dan terkini.



6. PENILAIAN LATIHAN

DLSMSA dan DLSM KPM menetapkan bahawa penilaian keberkesanan latihan perlu dibuat bagi kursus-kursus berkaitan yang telah dilaksanakan. Selain itu, pihak Pengurusan Tertinggi KPM turut menekankan aspek keberkesanan latihan dan telah memohon supaya kursus-kursus dalaman dikaji secara berterusan bagi memastikan objektif penyampaian perkhidmatan dapat dicapai. Latihan yang diberikan kepada warga kerja juga merupakan pelaburan oleh organisasi bagi memastikan pembangunan sumber manusia yang berdaya saing dan berkualiti. Setiap pelaburan yang dilakukan oleh organisasi perlu dikaji bagi memastikan peruntukan yang telah dilaburkan memberikan pulangan yang menguntungkan. Sehubungan itu, penilaian program latihan yang dianjurkan adalah penting bagi mengetahui keberkesanan sesuatu program dan mendapatkan maklum balas untuk tujuan penambahbaikan.



PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB



PEGAWAI

- Mengetahui pasti kompetensi diri yang diperlukan dan merancang keperluan latihan bersesuaian dengan tugas, objektif Kementerian/Bahagian/Jabatan dan pembangunan diri
- Menghadiri/melaksanakan sebarang bentuk latihan sekurang-kurangnya jumlah hari/jam yang telah ditetapkan berdasarkan pekeliling/arahan yang sedang berkuat kuasa
- Mengambil inisiatif sendiri untuk meningkatkan ilmu pengetahuan dan kemahiran dengan mencari peluang-peluang latihan yang disediakan oleh Bahagian/Jabatan, Institut Latihan Awam (ILA) dan penyedia latihan swasta melalui kaedah latihan yang bersesuaian
- Menghadiri kursus yang ditawarkan dengan penuh komitmen
- Mengaplikasikan ilmu pengetahuan dan kemahiran yang diperolehi melalui kursus ke dalam tugas harian dan berkongsi ilmu pengetahuan dengan rakan sekerja
- Mengemas kini maklumat kehadiran kursus di dalam SPLKPM



KETUA JABATAN/ UNIT/SEKTOR LATIHAN

- Merancang dan mengetahui pasti keperluan latihan pegawai berdasarkan analisis keperluan latihan dan tahap kompetensi yang diperlukan
- Memberi peluang kepada semua pegawai untuk mengikuti latihan dan mendapat pengalaman yang bersesuaian dan sistematik agar pembangunan kompetensi pegawai dapat dilaksanakan
- Mengetahui pasti dan menetapkan tahap kompetensi yang diperlukan oleh pegawai mengikut tahap jawatan untuk melaksanakan tugas-tugas di Bahagian/Jabatan
- Melantik penyelaras latihan di peringkat Bahagian/Jabatan untuk pemantauan dan pengemaskinian rekod kehadiran kursus
- Mengurus dan melaksanakan program latihan berdasarkan pelan operasi latihan secara *in-house*/anjakan agensi luar
- Membuat penilaian pengurusan dan keberkesanan kursus



CAWANGAN LATIHAN DAN KOMPETENSI (CLK), BPSM

- Merangka Pelan Operasi Latihan (POL) Perkhidmatan Bukan Guru (PBG) merangkumi Program Transformasi Minda (PTM) dan Latihan Dalam Perkhidmatan (LDP)
- Menyelaraskan dan memantau pelaksanaan POL LDP di Bahagian/Jabatan yang menerima peruntukan
- Merancang dan melaksanakan program latihan PBG
- Menyelaraskan dan menguruskan permohonan/pencalonan pegawai bagi kursus anjakan CLK, BPSM seperti mana dirancang dalam POL tahunan dan anjakan agensi-agensy kerajaan dan swasta
- Melaksanakan Analisis Keperluan Latihan (TNA) PBG
- Menyediakan laporan lengkap rekod kehadiran latihan pegawai melalui SPLKPM
- Menyediakan laporan penilaian keberkesanan latihan bagi pemantapan program latihan yang dilaksanakan
- Mengurussetiakan Jawatankuasa Latihan PBG KPM, Panel Pembangunan Sumber Manusia Latihan, Panel Pengurusan PTM dan Lembaga Peperiksaan Perkhidmatan Awam KPM bagi AKP Iantikan SPP





OBJEKTIF DAN RANGKA PELAN LATIHAN



OBJEKTIF DAN RANGKA PELAN LATIHAN

Program latihan dirancang secara komprehensif untuk memastikan setiap AKP lantikan SPP melengkapkan diri/dilengkapkan dengan pengetahuan, kemahiran dan sikap yang bersesuaian bagi memenuhi tahap kompetensi yang diperlukan sepanjang tempoh perkhidmatan di KPM.

1

Menyediakan panduan bagi pembangunan kompetensi AKP dalam melaksanakan tugas



Membantu meningkatkan tahap produktiviti dan kualiti kerja melalui program latihan yang menyeluruh serta tersusun

2**3**

Memberi pendedahan dan pengalaman menerusi program latihan yang dicadangkan



Menyokong pembangunan kerjaya AKP

4**5**

Memberi pendedahan berkenaan peluang latihan yang boleh diikuti sepanjang tempoh perkhidmatan



Untuk tujuan tersebut, Pelan Latihan AKP KPM Edisi Ke-2 telah disusun dengan memberi penekanan kepada tiga (3) aspek berikut:

1



Ringkasan dan Skop Tugas

Menjelaskan ringkasan dan skop tugas jawatan yang disandang pegawai secara umum. Skop tugas jawatan secara khusus perlu dirujuk dalam myPortfolio masing-masing.

Rujukan daripada surat edaran BPSM

2



Profil Kompetensi

Menjelaskan kompetensi yang perlu dimiliki oleh pegawai untuk memastikan pegawai lebih kompeten dan bersedia untuk pelaksanaan tugas di gred dan jawatan yang disandang merangkumi kompetensi fungsian dan generik.

Rujukan daripada Standard Kompetensi Anggota Kumpulan Pelaksana Lantikan Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran (Cetakan Pertama Julai 2017)

3



Training Road Map

Menyenaraikan susunan kursus yang boleh diikuti pemegang jawatan selaras dengan keperluan pembangunan kerjaya, diri dan organisasi sepanjang tempoh perkhidmatan pegawai.

Kursus dihadiri atas inisiatif individu dan/atau dianjurkan atas inisiatif organisasi

PROFIL KOMPETENSI



PROFIL KOMPETENSI

AKP merupakan pegawai barisan hadapan yang menjadi penggerak kepada pelaksanaan dasar-dasar KPM. Perubahan peranan AKP boleh dibahagikan kepada tiga (3) tahap berikut:



PENERAJU PERUBAHAN	Menjadi pegawai yang berkemahiran menganalisis serta menjadi pakar rujuk dalam melaksanakan penambahbaikan berterusan dalam urusan tugas kerja seharian	Gred 16, 26, 28
PENCETUS PERUBAHAN	Menjadi pegawai yang berkemahiran tinggi dan berupaya mengaplikasi dalam melaksanakan penambahbaikan berterusan dalam urusan tugas kerja seharian	Gred 14, 22
PERINTIS PERUBAHAN	Menjadi pegawai yang menguasai pengetahuan dan kemahiran dalam melaksanakan penambahbaikan berterusan dalam urusan tugas kerja seharian	Gred 11, 19



Setiap AKP perlu menguasai kompetensi fungsian dan generik bagi memastikan keupayaan menjalankan tugas dengan baik.

KOMPETENSI FUNGSIAN

Menjurus kepada tahap kompetensi yang perlu ada pada pegawai yang berkaitan dengan bidang tugas pegawai iaitu pengetahuan dan kemahiran kerja



KOMPETENSI GENERIK

Menjurus kepada tahap kompetensi yang perlu ada pada pegawai yang merangkumi aspek personal, sosial dan budaya kerja untuk mencapai tahap kerja yang berprestasi tinggi dan berkeperibadian unggul





TRAINING ROAD MAP



TRAINING ROAD MAP

Cadangan bidang latihan dan senarai kursus dalam pelan ini ditetapkan bagi menyokong *training road map* AKP untuk mencapai objektif berikut:

SEJAJAR DENGAN FUNGSI DAN PERANAN CAWANGAN/SEKTOR/UNIT LATIHAN

Merancang pembangunan program latihan dengan cekap dan berkesan dengan mengenal pasti keperluan latihan

TUMPUAN KEPADA PROGRAM PEMBANGUNAN KOMPETENSI

- Program Pembangunan Kompetensi Fungsian dan Generik
- Pegawai yang memberikan komitmen dan menunjukkan prestasi yang cemerlang diberikan penghargaan bagi menggalakkan latihan dan perkongsian pengetahuan



MEWUJUDKAN MODAL INSAN BERKOMPETENSI TINGGI

Melahirkan pegawai yang berprestasi tinggi, berdaya saing, berfikiran kreatif dan inovatif serta berkeperibadian unggul

KEPERLUAN DALAM PEMBANGUNAN KERJAYA

- Menyediakan pegawai untuk menjawat gred yang lebih tinggi
- Keutamaan untuk mengikuti latihan di peringkat yang lebih tinggi bagi pegawai yang berprestasi cemerlang

Program Pembangunan Kompetensi Fungsian

Menjurus kepada kursus-kursus yang berkaitan bidang tugas pegawai mengikut skim perkhidmatan yang bertujuan untuk meningkatkan tahap kemahiran dan kecekapan pegawai dalam melaksanakan tugas kerja harian

Program Pembangunan Kompetensi Generik

Menjurus kepada kursus-kursus umum selain daripada bidang tugas pegawai untuk meningkatkan keupayaan menjadi individu yang berpengetahuan luas, berpandangan jauh, bermotivasi serta mampu membawa organisasi ke tahap yang cemerlang


Peringkat Latihan Berdasarkan Tempoh Perkhidmatan



Peringkat	Objektif	Ciri-Ciri Latihan
<p>Asas</p>	<p>Anggota yang baru menjawat jawatan diterapkan dengan asas-asas pentadbiran dan pengurusan jabatan</p>	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Penyesuaian diri dengan etika dan budaya kerja jabatan ▪ Pemahaman matlamat dan fungsi organisasi ▪ Orientasi kepada persekitaran kerja ▪ Perkara-perkara asas di dalam pekerjaan
<p>Pertengahan</p>	<p>Menyediakan anggota perkhidmatan awam yang berkebolehan dan berkeupayaan melakukan sesuatu tugas dengan cepat dan menepati standard umum yang ditentukan</p> <p>Meningkatkan kemahiran sedia ada dan mendedahkan kemahiran baru bagi meningkatkan kompetensi anggota perkhidmatan awam</p>	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Membangunkan keupayaan berkomunikasi ▪ Membangunkan keupayaan memahami, merancang dan menganalisis tugas ▪ Membangunkan kebolehan menyelia, mengurus dan mentadbir ▪ Membangunkan kemahiran-kemahiran teknikal ▪ Memantapkan mutu kerja ke tahap yang lebih tinggi ▪ Memantapkan tahap kepakaran ▪ Memantapkan tahap profesionalisme ▪ Memantapkan keupayaan dan kemahiran penyeliaan
<p>Lanjutan</p>	<p>Memantapkan dan mengukuhkan keupayaan anggota perkhidmatan awam secara berterusan selaras dengan keperluan dan cabaran-cabaran semasa</p>	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Mengembangkan kebolehan dan keupayaan ▪ Mengukuhkan penyeliaan ▪ Memantapkan integriti ▪ Memantapkan keupayaan pengurusan dan pentadbiran ▪ Menyediakan kebolehan mengadakan jaringan (<i>networking</i>)
<p>Peralihan</p>	<p>Menyediakan anggota perkhidmatan awam yang akan meninggalkan perkhidmatan kepada pengetahuan dan persekitaran yang baru</p>	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Menyediakan kebolehan mengadakan jaringan (<i>networking</i>) ▪ Menyediakan pengetahuan mengenai peluang dan cabaran baru ▪ Menyediakan ketahanan mental dan psikologi ▪ Menyediakan kebolehan menangani tekanan dan cabaran

CONTOH TRAINING ROAD MAP

➤ Pemandu Kenderaan





PELAN LATIHAN

1

**PEMBANTU TADBIR
(PERKERANIAN/OPERASI)**

2

**PEMBANTU
PENGURUSAN MURID**

3

**PEMBANTU
OPERASI**

4

**PEMBANTU
MAKMAL**

5

PENYELIA ASRAMA

6

**PEMANDU
KENDERAAN**

7

**PEMBANTU TADBIR
(KEWANGAN)**

PEMBANTU TADBIR (PERKERANIAN/OPERASI)

Ringkasan dan Skop Tugas

Profil Kompetensi

- ▶ **Pembantu Tadbir (P/O) N19**
 - ▶ **Pembantu Tadbir (P/O) N22**
 - ▶ **Pembantu Tadbir (P/O) N26/28**
-

Training Road Map

- ▶ **Peringkat Asas
(Penerapan Kompetensi) N19**
 - ▶ **Peringkat Pertengahan
(Pembangunan dan Peningkatan
Kompetensi) N22**
 - ▶ **Peringkat Lanjutan
(Pengukuhan Kompetensi) N26/28**
 - ▶ **Peringkat Peralihan
(Peralihan Kerjaya)**
-



RINGKASAN DAN SKOP TUGAS

Ringkasan Tugas

Bertanggungjawab melaksanakan tugas-tugas perkeranian dan operasi di peringkat Kumpulan Sokongan yang merangkumi aspek perkeranian dan operasi termasuk tugas-tugas pentadbiran am, pengurusan personel, perkhidmatan kaunter dan pemprosesan, pengumpulan data dan maklumat, pengendalian peralatan perhubungan/komunikasi.

Skop Tugas



Perkeranian

- Pentadbiran pejabat
- Pengurusan personel
- Pengurusetiaan mesyuarat, bengkel, kursus dan lain-lain
- Menyediakan dokumen rasmi yang diarahkan dalam masa yang ditetapkan
- Pengurusan rekod
- Pengurusan kewangan
- Pengurusan fail
- Pengurusan aset dan stor



Operasi

- Pengurusan keselamatan dan ketenteraman
- Pengurusan kebersihan
- Pengurusan kaunter dan pemprosesan
- Pengurusan data dan maklumat
- Protokol dan istiadat

Nota:

Sila rujuk Surat Edaran BPSM Ruj.: KPM.500-3/16/1 JLD 4 (55) bertarikh 26 September 2018 berkaitan Penghuraian Tugas Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) di Kementerian Pendidikan Malaysia untuk penjelasan terperinci.

PROFIL KOMPETENSI

PEMBANTU TADBIR (P/O) N19

Menjadi pegawai yang menguasai pengetahuan dan kemahiran dalam melaksanakan penambahbaikan berterusan dalam urusan tugas kerja seharian

Perintis Perubahan



Menguasai pengetahuan dan kemahiran berkaitan tugas dalam perkara-perkara berikut:

- Pengurusan pentadbiran (Pengurusan fizikal pejabat, pengurusan pentadbiran sumber manusia, pengurusan rumah dan bangunan kerajaan)
- Pengurusan perkhidmatan (Pengurusan perkhidmatan pegawai, pengurusan cuti, pengurusan tatatertib dan pengisytiharan harta)
- Pengurusan fail (Pengurusan dokumen dan rekod kerajaan)
- Pengurusan aset alih (Pengurusan harta modal/inventori dan bekalan pejabat)

Mempunyai budaya kerja dan kualiti sahsiah peribadi yang diperlukan sebagai individu dan organisasi seperti berikut:

- Kematangan emosi
- Pemikiran adaptif dan kreatif
- Kemahiran komunikasi dan interpersonal
- Keinginan menimba pengetahuan
- Kesediaan bertindak
- Penyelesaian masalah
- Kemahiran maklum balas
- Pengurusan pengetahuan
- Pengurusan kualiti
- Kemahiran merancang dan mengurus kerja
- Penguasaan teknologi maklumat

PEMBANTU TADBIR (P/O) N22

Menjadi pegawai yang berkemahiran tinggi dan berupaya mengaplikasi dalam melaksanakan penambahbaikan berterusan dalam urusan tugas kerja seharian

Pencetus Perubahan

Fungsian



Generik

Menguasai pengetahuan dan kemahiran serta berupaya mengaplikasi dalam perkara-perkara berikut:

- Pengurusan pentadbiran (Pengurusan fizikal pejabat, pengurusan pentadbiran sumber manusia, pengurusan rumah dan bangunan kerajaan)
- Pengurusan perkhidmatan (Pengurusan perkhidmatan pegawai, pengurusan cuti, pengurusan tatatertib dan pengisytiharan harta)
- Pengurusan fail (Pengurusan dokumen dan rekod kerajaan)
- Pengurusan aset alih (Pengurusan harta modal/inventori dan bekalan pejabat)
- Penyeliaan pengurusan sistem fail dan surat-menyurat organisasi
- Pengurusan penyelenggaraan peralatan pejabat
- Penyeliaan kenderaan jabatan (yang berkaitan sahaja)
- Pengurusan kaunter (yang berkaitan sahaja)

Mempunyai budaya kerja dan kualiti sahsiah peribadi yang diperlukan sebagai individu dan organisasi seperti berikut:

- Kematangan emosi
- Pemikiran adaptif dan kreatif
- Kemahiran komunikasi dan interpersonal
- Keinginan menimba pengetahuan
- Kesediaan bertindak
- Penyelesaian masalah
- Kemahiran maklum balas
- Pengurusan pengetahuan
- Pengurusan kualiti
- Kemahiran merancang dan mengurus kerja
- Penguasaan teknologi maklumat
- Kemahiran membuat keputusan
- Kemahiran penyeliaan
- Kemahiran melatih dan membimbing

PEMBANTU TADBIR (P/O) N26/28

Menjadi pegawai yang berkemahiran menganalisis serta menjadi pakar rujuk dalam melaksanakan penambahbaikan berterusan dalam urusan tugas kerja seharian

Peneraju Perubahan

Fungsian



Generik

Berkemahiran menganalisis dan dijadikan sumber rujukan dalam perkara-perkara berikut:

- Pengurusan rekod dan maklumat (Surat, fail dan rekod, kawalan keselamatan fizikal, dokumen dan peribadi)
- Peraturan perkhidmatan (Perintah am, tatakelakuan dan tatatertib pegawai awam dan pekeliling-pekeliling perkhidmatan)
- Kewangan (Belanjawan, terimaan, bayaran, pengurusan akaun amanah, akaun panjar, kehilangan dan hapus kira)
- Pentadbiran pejabat (Konsep dan fungsi pejabat, struktur dan prinsip organisasi dan faktor-faktor yang mempengaruhi organisasi)

Mempunyai budaya kerja dan kualiti sahsiah peribadi yang diperlukan sebagai individu dan organisasi seperti berikut:

- Kematangan emosi
- Pemikiran adaptif dan kreatif
- Kemahiran komunikasi dan interpersonal
- Keinginan menimba pengetahuan
- Kesediaan bertindak
- Penyelesaian masalah
- Kemahiran maklum balas
- Pengurusan pengetahuan
- Pengurusan kualiti
- Kemahiran merancang dan mengurus kerja
- Penguasaan teknologi maklumat
- Kemahiran membuat keputusan
- Kemahiran penyeliaan
- Kemahiran melatih dan membimbing
- Pengurusan krisis
- Pemudahcaraan

TRAINING ROAD MAP

Peringkat Asas (Penerapan Kompetensi)

N19

Bidang	Nama Kursus
Induksi	1. Kursus Program Transformasi Minda (Mandatori) 2. Kursus Orientasi
Kewangan	3. Kursus Tatacara Kewangan 4. Kursus Pengurusan Kewangan Sekolah 5. Kursus Pengurusan Perolehan Kerajaan 6. Kursus e-Perolehan 7. Kursus Pengurusan Stor 8. Kursus Pengurusan Aset Alih Kerajaan
Pengurusan dan Pentadbiran	9. Kursus Pengurusan Fail dan Rekod 10. Kursus Pengurusan Mesyuarat 11. Kursus Pengurusan Pelanggan
Sumber Manusia	12. Kursus Asas Perkhidmatan Awam 13. Kursus Pengurusan Sumber Manusia 14. Kursus Pengurusan Elaun dan Kemudahan 15. Kursus Kenaikan Pangkat dan Pengurusan Prestasi 16. Kursus Pelarasan Gaji 17. Kursus Pengurusan Perkhidmatan dan Persaraan 18. Kursus Pentadbir HRMIS
Etika dan Integriti	19. Kursus Etika Kerja dan Integriti 20. Kursus Tataetika Penggunaan Media Sosial
ICT	21. Kursus Digital Sektor Awam 22. Kursus <i>Microsoft Office</i> dan Aplikasi Digital 23. Kursus Analisis Data Menggunakan <i>MS Excel</i>
Pembangunan Kendiri	24. Kursus Pengurusan Imej dan Keterampilan 25. Kursus Pengukuhan Pasukan
Protokol	26. Kursus Protokol dan Etiket Sosial
Bahasa	27. Kursus Penulisan Dokumen Rasmi Kerajaan 28. Kursus Asas Bahasa Untuk Interaksi Harian (Inggeris/Mandarin/Tamil/Etnik)
Standard dan Kawalan Dokumen	29. Kursus MyPortfolio 30. Kursus Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA)

Peringkat Pertengahan (Pembangunan dan Peningkatan Kompetensi)

N22

Bidang	Nama Kursus
Kewangan	<ol style="list-style-type: none"> 1. Kursus Pengurusan Kewangan Sekolah 2. Kursus Pengurusan Perolehan Kerajaan 3. Kursus e-Perolehan 4. Kursus Pengurusan Stor 5. Kursus Pengurusan Aset Alih Kerajaan
Pengurusan dan Pentadbiran	<ol style="list-style-type: none"> 6. Kursus Pengurusan Fail dan Rekod 7. Kursus Pelupusan Rekod 8. Kursus Pengurusan Buku Daftar Rahsia Rasmi 9. Kursus Pengurusan Pejabat 10. Kursus Pengurusan Kenderaan
Sumber Manusia	<ol style="list-style-type: none"> 11. Kursus Pengurusan Sumber Manusia 12. Kursus Pengurusan Elaun dan Kemudahan 13. Kursus Kenaikan Pangkat dan Pengurusan Prestasi 14. Kursus Pelarasan Gaji 15. Kursus Pengurusan Perkhidmatan dan Persaraan 16. Kursus Pengurusan Tatatertib 17. Kursus Pentadbir HRMIS
Kepimpinan	<ol style="list-style-type: none"> 18. Kursus Penyeliaan Berkesan dan Efektif
Etika dan Integriti	<ol style="list-style-type: none"> 19. Kursus Tataetika Penggunaan Media Sosial
Keselamatan dan Kesihatan	<ol style="list-style-type: none"> 20. Kursus Keselamatan Perlindungan
ICT	<ol style="list-style-type: none"> 21. Kursus Persembahan Slaid Efektif Menggunakan <i>MS Power Point</i>
Pembangunan Kendiri	<ol style="list-style-type: none"> 22. Kursus Pengurusan Emosi dan Stres 23. Kursus Pengurusan Masa 24. Kursus Pengukuhan Pasukan 25. Kursus Motivasi
Protokol	<ol style="list-style-type: none"> 26. Kursus Tatacara Pengurusan dan Pengendalian Majlis Rasmi Kerajaan
Bahasa	<ol style="list-style-type: none"> 27. Kursus Penulisan Dokumen Rasmi Kerajaan 28. Kursus Penulisan Minit Mesyuarat 29. Kursus Asas Bahasa Untuk Interaksi Harian (Inggeris/Mandarin/Tamil/Etnik)
Komunikasi	<ol style="list-style-type: none"> 30. Kursus Komunikasi Berkesan

Peringkat Lanjutan (Pengukuhan Kompetensi)

N26/N28

Bidang	Nama Kursus
Pengurusan dan Pentadbiran	<ol style="list-style-type: none"> 1. Kursus Pengurusan Fail dan Rekod 2. Kursus Pelupusan Rekod 3. Kursus Pengurusan Buku Daftar Rahsia Rasmi 4. Kursus Pengurusan Pejabat 5. Kursus Pengurusan Mesyuarat 6. Kursus Pengurusan Pelanggan 7. Kursus Pengurusan Kenderaan
Sumber Manusia	<ol style="list-style-type: none"> 8. Kursus Pengurusan Sumber Manusia 9. Kursus Pengurusan Perkhidmatan dan Persaraan 10. Kursus Pengurusan Tatatertib
Kepimpinan	<ol style="list-style-type: none"> 11. Kursus Penyeliaan Berkesan dan Efektif 12. Kursus Kepimpinan Transformatif 13. Kursus Kemahiran Membuat Keputusan
Etika dan Integriti	<ol style="list-style-type: none"> 14. Kursus Tata Etika Penggunaan Media Sosial
Keselamatan dan Kesihatan	<ol style="list-style-type: none"> 15. Kursus Keselamatan Perlindungan 16. Kursus Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan
ICT	<ol style="list-style-type: none"> 17. Kursus Persembahan Slaid Efektif Menggunakan <i>MS Power Point</i> 18. Kursus Analisis Data Menggunakan <i>MS Excel</i>
Pembangunan Kendiri	<ol style="list-style-type: none"> 19. Kursus Pemikiran Kreatif 20. Kursus Berfikir di Luar Kotak 21. Kursus Pengurusan Emosi dan Stres 22. Kursus Pengurusan Masa 23. Kursus Pengukuhan Pasukan 24. Kursus Motivasi
Protokol	<ol style="list-style-type: none"> 25. Kursus Protokol dan Etiket Sosial 26. Kursus Tatacara Pengurusan dan Pengendalian Majlis Rasmi Kerajaan
Bahasa	<ol style="list-style-type: none"> 27. Kursus Penulisan Minit Mesyuarat 28. Kursus Asas Bahasa Untuk Interaksi Harian (Inggeris/Mandarin/Tamil/Etnik)
Komunikasi	<ol style="list-style-type: none"> 29. Kursus Kemahiran Pengucapan Awam 30. Kursus Komunikasi Berkesan

Peringkat Peralihan (Peralihan Kerjaya)

Bidang	Nama Kursus
Sumber Manusia	<ol style="list-style-type: none"> 1. Kursus Persediaan Persaraan

PEMBANTU PENGURUSAN MURID

Ringkasan dan Skop Tugas

Profil Kompetensi

- ▶ Pembantu Pengurusan Murid (Prasekolah) N19
 - ▶ Pembantu Pengurusan Murid (Prasekolah) N22
 - ▶ Pembantu Pengurusan Murid (Pendidikan Khas) N19
 - ▶ Pembantu Pengurusan Murid (Pendidikan Khas) N22
 - ▶ Pembantu Pengurusan Murid (Asrama) N19
 - ▶ Pembantu Pengurusan Murid (Asrama) N22
-

Training Road Map

- ▶ Peringkat Asas (Penerapan Kompetensi) N19
 - ▶ Peringkat Pertengahan (Pembangunan dan Peningkatan Kompetensi) N22
 - ▶ Peringkat Lanjutan (Pengukuhan Kompetensi)
 - ▶ Peringkat Peralihan (Peralihan Kerjaya)
-



RINGKASAN DAN SKOP TUGAS

Ringkasan Tugas

Bertanggungjawab menjalankan tugas-tugas membantu guru di kelas-kelas, mengasuh murid-murid di Program Pendidikan Khas, Prasekolah dan Asrama Sekolah Pendidikan Khas serta Asrama Desa.

Skop Tugas

1

PPM (PRASEKOLAH)

- Urusan pentadbiran kelas prasekolah
- Urusan pengajaran/pembelajaran murid-murid prasekolah
- Urusan penyediaan makanan/mengemas/membersih
- Urusan menjaga hal ehwal murid

2

PPM (PENDIDIKAN KHAS)

- Menjaga hal ehwal murid pendidikan khas
- Pengurusan kelas/bilik pendidikan khas
- Pengurusan dokumen dan stok pendidikan khas
- Proses pengajaran dan pembelajaran
- Pengurusan/pergerakan dan aktiviti murid pendidikan khas (mobiliti)
- Tugas sewaktu cuti persekolahan

3

PPM ASRAMA (SEKOLAH RENDAH DAN MENENGAH)

- Pengurusan murid di asrama
- Pengurusan pentadbiran asrama

Nota:

Sila rujuk Surat Edaran BPSM Ruj.: KPM.500-3/16/1 JLD 2 (54) bertarikh 24 November 2016 berkaitan Senarai Tugas Pembantu Pengurusan Murid di Sekolah-Sekolah di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia untuk penjelasan terperinci.

PROFIL KOMPETENSI

PEMBANTU PENGURUSAN MURID (PRASEKOLAH) N19

Menjadi pegawai yang menguasai pengetahuan dan kemahiran dalam melaksanakan penambahbaikan berterusan dalam urusan tugas kerja seharian

Perintis Perubahan



Menguasai pengetahuan dan kemahiran berkaitan tugas dalam perkara-perkara berikut:

- Pengurusan pentadbiran kelas prasekolah (Pengurusan dokumen dan sistem maklumat)
- Pengurusan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) Murid Prasekolah (Pengurusan Sesi PdP)
- Pengurusan penyediaan makanan (Penyediaan menu dan makanan, penjagaan kebersihan peralatan dan dapur)
- Pengurusan hal ehwal murid prasekolah (Kebersihan dan keselamatan murid)
- Pengurusan peruntukan dan perolehan (Pengurusan perbelanjaan makan dan minum, penyediaan stok/ inventori/harta modal prasekolah)

Mempunyai budaya kerja dan kualiti sahsiah peribadi yang diperlukan sebagai individu dan organisasi seperti berikut:

- Kematangan emosi
- Pemikiran adaptif dan kreatif
- Kemahiran komunikasi dan interpersonal
- Keinginan menimba pengetahuan
- Kesediaan bertindak
- Penyelesaian masalah
- Kemahiran maklum balas
- Pengurusan pengetahuan
- Pengurusan kualiti
- Kemahiran merancang dan mengurus kerja
- Penguasaan teknologi maklumat

PEMBANTU PENGURUSAN MURID (PRASEKOLAH) N22

Menjadi pegawai yang berkemahiran tinggi dan berupaya mengaplikasi dalam melaksanakan penambahbaikan berterusan dalam urusan tugas kerja seharian

Pencetus Perubahan

Fungsian



Generik

Menguasai pengetahuan dan kemahiran serta berupaya mengaplikasi dalam perkara-perkara berikut:

- Pengurusan pentadbiran kelas prasekolah (Pengurusan dokumen dan sistem maklumat)
- Pengurusan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) Murid Prasekolah (Pengurusan sesi PdP)
- Pengurusan penyediaan makanan (Penyediaan menu dan makanan, penjagaan kebersihan peralatan dan dapur)
- Pengurusan hal ehwal murid prasekolah (Kebersihan dan keselamatan murid)
- Pengurusan peruntukan dan perolehan (Pengurusan perbelanjaan makan dan minum, penyediaan stok/inventori/harta modal prasekolah)

Mempunyai budaya kerja dan kualiti sahsiah peribadi yang diperlukan sebagai individu dan organisasi seperti berikut:

- Kematangan emosi
- Pemikiran adaptif dan kreatif
- Kemahiran komunikasi dan interpersonal
- Keinginan menimba pengetahuan
- Kesiediaan bertindak
- Penyelesaian masalah
- Kemahiran maklum balas
- Pengurusan pengetahuan
- Pengurusan kualiti
- Kemahiran merancang dan mengurus kerja
- Penguasaan teknologi maklumat
- Kemahiran membuat keputusan
- Kemahiran penyeliaan
- Kemahiran melatih dan membimbing

PEMBANTU PENGURUSAN MURID (PENDIDIKAN KHAS) N19

Menjadi pegawai yang menguasai pengetahuan dan kemahiran dalam melaksanakan penambahbaikan berterusan dalam urusan tugas kerja seharian

Perintis Perubahan

Fungsian



Generik

Menguasai pengetahuan dan kemahiran berkaitan tugas dalam perkara-perkara berikut:

- Pengurusan Sesi Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) (Kategori murid berkeperluan khas, tatacara kawalan murid di dalam kelas, teknik memotivasikan murid, pengurusan bahan bantu mengajar (BBM), penyediaan bahan untuk PdP, asas Kod *Braille* dan komunikasi seluruh Kod Tangan Bahasa Melayu (KTBM) dan bahasa isyarat)
- Pengurusan Kebersihan dan Keselamatan Murid/Kelas (Tatacara menguruskan murid sakit, tatacara pengurusan kecemasan, kebersihan dan keceriaan kelas dan pengurusan kebersihan dan keselamatan murid)
- Pengurusan Mobiliti Murid (Orientasi dan mobiliti murid, urusan kendalian alat bantuan sokongan, jadual aktiviti harian murid di sekolah dan urusan kendalian murid dalam aktiviti luar)
- Pentadbiran Kelas (Sistem kehadiran murid, sistem pendaftaran murid, takwim program pendidikan khas, pengurusan fail dan dokumentasi, pengurusan permohonan stok dan tatacara melaporkan bahan/peralatan yang rosak)

Mempunyai budaya kerja dan kualiti sahsiah peribadi yang diperlukan sebagai individu dan organisasi seperti berikut:

- Kematangan emosi
- Pemikiran adaptif dan kreatif
- Kemahiran komunikasi dan interpersonal
- Keinginan menimba pengetahuan
- Kesediaan bertindak
- Penyelesaian masalah
- Kemahiran maklum balas
- Pengurusan pengetahuan
- Pengurusan kualiti
- Kemahiran merancang dan mengurus kerja
- Penguasaan teknologi maklumat

PEMBANTU PENGURUSAN MURID (PENDIDIKAN KHAS) N22

